

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
(PETALING JAYA)**

TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH (PETALING JAYA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan ia hasrat membina sebuah negara moden yang menjunjung konsep demokrasi dan pemeraksanaan rakyat, dan adakah KPKT berhasrat dan mempunyai rancangan untuk mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di Malaysia dan sekiranya ya, bilakah ia akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa menyokong hasrat Kerajaan untuk membina sebuah negara moden yang menjunjung konsep demokrasi dan pemeraksanaan rakyat. Dalam hal ini, KPKT sentiasa menggalakkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengadakan mesyuarat penuh secara *live streaming* yang bertujuan untuk memberi peluang kepada rakyat untuk bersama-sama terlibat dalam mentadbir urus PBT dan meningkatkan keyakinan mereka terhadap ketelusan dan profesionalisme pegawai PBT dan Ahli Majlisnya. Sehingga kini, sebanyak 16 PBT telah mengadakan Mesyuarat Penuh Majlis PBT secara *live streaming*.

Walau bagaimanapun, Kerajaan hari ini tidak bercadang untuk melaksanakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (PRKT). Ini kerana, sistem pelantikan Ahli Majlis PBT yang sedia ada telah berjalan dengan baik. Perbelanjaan bagi mengadakan PRKT akan melibatkan peruntukan yang besar kerana kos pelaksanaannya sangat tinggi. Kos mengadakan PRKT dianggarkan berjumlah RM2 juta bagi setiap PBT dan RM302 juta bagi kesemua 151 PBT di seluruh negara. Anggaran kos ini adalah minimum kerana tidak termasuk kos tersembunyi yang perlu ditanggung oleh agensi-agensi lain yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengawal keselamatan pilihan raya dan anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) untuk mengawal keadaan di tempat membuang undi.

Selain itu, sekiranya PRKT dilaksanakan setiap dua (2) tahun, ini akan menyebabkan fokus memberi perkhidmatan kepada rakyat terjejas memandangkan terlalu banyak masa dan tenaga ditumpukan kepada proses kempen pilihan raya.

SOALAN NO : 20

Selama ini juga, PBT masih boleh memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat tanpa PRKT dan pelaksanaan PRKT bukanlah jaminan untuk memastikan perkara tersebut. Melalui sistem sedia ada, Ahli Majlis PBT yang tidak menunjukkan prestasi yang baik boleh digugurkan atau tidak dilantik semula selepas tamat tempoh pelantikan. Pada kebiasaannya, pelantikan Ahli Majlis adalah untuk tempoh dua (2) tahun dan mereka yang menunjukkan prestasi yang rendah akan digugurkan bagi memastikan perkhidmatan kepada rakyat tidak terjejas.

Pihak KPKT melalui kerjasama Institut Latihan KPKT dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) juga ada menyediakan latihan untuk pemantapan Ahli Majlis PBT pada setiap tahun. Latihan ini bertujuan memberikan pendedahan serta hala tuju Kerajaan bagi membentuk Ahli Majlis PBT yang mampu menjalankan tugas dengan kompeten dan efektif kepada masyarakat.

Bagi memperkemaskan lagi pelantikan Ahli Majlis, KPKT sedang membangunkan garis panduan pelantikan Ahli Majlis PBT. Antara lain, pelantikan Ahli Majlis perlu memenuhi kriteria tempoh pelantikan, kelayakan akademik atau pengalaman profesional, komposisi masyarakat seperti kaum, jantina, golongan minoriti dan sebagainya.

Untuk makluman, cadangan untuk mengadakan semula PRKT bagi memilih Ahli Majlis PBT merupakan antara perkara yang dijanjikan dalam manifesto Pakatan Harapan (PH). Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri pada 17 Julai 2020 telah bersetuju supaya cadangan ini tidak diteruskan.

Sekian, terima kasih.